



BUKU PANDUAN PENGAJIAN SISWAZAH GRADUATE STUDIES GUIDE BOOK

**Program Sarjana dan Doktor Falsafah
Mod Campuran**

*Master and Doctor of Philosophy
Mixed Mode*



**BUKU PANDUAN
PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)**

**Program Sarjana dan Doktor Falsafah
Mod Campuran**

2016

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|--|----------------|
| Aluan Naib Canselor | 4 |
| Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) | 5 |
| Aluan Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) | 6 |
| 1. PENDAHULUAN | 7 |
| 1.1 Visi, Misi, Moto & Nilai Teras Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) | |
| 1.2 Pengenalan Pusat Pengajian Siswazah | |
| 1.3 Tujuan Buku Panduan Pengajian Siswazah | |
| 1.4 Nisbah Mod Campuran | |
| 2. SYARAT KEMASUKAN | 8 |
| 2.1 Ijazah Sarjana | |
| 2.2 Ijazah Kedoktoran Secara Kerja Kursus | |
| 2.3 Keperluan Bahasa (Calon Antarabangsa) | |
| 3. PENDAFTARAN SEMESTER | 9 |
| 3.1 Pendaftaran Semester Pertama | |
| 3.2 Pendaftaran Semester Berikutnya | |
| 3.3 Pendaftaran Serentak | |
| 4. PENDAFTARAN KURSUS | 10 |
| 4.1 Pendaftaran Kursus | |
| 4.2 Tambah Kursus, Gugur Kursus Atau Tarik Diri | |
| 4.3 Pemindahan Kredit | |
| 5. TEMPOH PENGAJIAN | 12 |
| 6. KEPERLUAN PROGRAM ATAU KURSUS | 12 |
| 7. PENANGGUHAN PENGAJIAN | 12 |
| 8. PENARIKAN DIRI | 13 |
| 9. PEMBERHENTIAN CALON | 13 |

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|--|----------------|
| 10. PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN | 13 |
| 10.1 Penilaian Kerja Kursus | |
| 10.2 Penilaian Disertasi/Tesis | |
| 10.3 Penyerahan Dokumen Berkaitan Disertasi/Tesis | |
| 10.4 Penyelia dan Tajuk Disertasi/Tesis | |
| 10.5 Pertukaran Tajuk Disertasi/Tesis | |
| 10.6 Viva Voce | |
| 10.7 Penyerahan Disertasi/Tesis Berjilid | |
| 11. PENANGGUHAN PEPERIKSAAN | 17 |
| 12. MENGULANG KURSUS ATAU PENGAJIAN ATAU MENDUDUKI PEPERIKSAAN KHAS | 17 |
| 13. PERTUKARAN BENTUK PENDAFTARAN | 18 |
| 14. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN | 18 |
| 15. PERTUKARAN MOD PENGAJIAN | 18 |
| 16. RAYUAN UNTUK SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR | 18 |
| 17. RAYUAN UNTUK MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN | 19 |
| 18. PENGANUGERAHAN IJAZAH | 19 |

Aluan Naib Canselor

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh, salam sejahtera.



Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan selamat datang kepada para pelajar yang kini bergelar calon siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Syabas dan terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) atas usaha gigih menerbitkan Buku Panduan Pengajian Siswazah Mod Campuran yang boleh dijadikan rujukan sepanjang tempoh pengajian calon.

Pihak Universiti mengambil berat terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran kerana ia merupakan proses penting untuk melahirkan insan yang berdisiplin, bertanggungjawab dan berilmu. Maklumat yang dipaparkan dalam buku panduan ini diharap dapat digunakan sebaiknya oleh semua calon sebagai sumber maklumat dan panduan dalam merancang pengajian serta memahami peraturan berkaitan hal ehwal akademik siswazah. Pihak universiti menerusi PPS akan terus mengambil langkah proaktif dan responsif dalam menjadikan maklumat sedia ada sentiasa relevan dengan pasaran semasa dan memenuhi tuntutan pembangunan negara. Semoga semua calon dapat memanfaatkan buku panduan ini sepanjang tempoh pengajian.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan kedatangan semua calon ke UniSZA. Tingkatkan usaha dan iltizam untuk menjadi graduan UniSZA yang dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada masyarakat dan sekaligus memartabatkan nama UniSZA di persada dunia.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Hj Abdul Latif
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

**Aluan Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)**

Assalamualaikum warahmatullah dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat datang kepada semua calon yang telah mendaftar sebagai pelajar siswazah di UniSZA.



Sejak kebelakangan ini pengajian siswazah berkembang dengan amat pesat semenjak penubuhan Universiti pada 2007. Dalam tempoh yang singkat, UniSZA telah menunjukkan kemajuan yang amat positif dalam penawaran program siswazah dengan pertambahan bilangan pelajar tempatan dan antarabangsa yang menggalakkan. Ini menggambarkan keyakinan para siswazah terhadap kepakaran yang ada di UniSZA dalam pelbagai bidang. Pertambahan program siswazah baharu juga menjadi salah satu kriteria pendorong kepada perkembangan pengajian siswazah di UniSZA.

Bersesuaian dengan matlamat melahirkan insan holistik yang dihasratkan bagi pembangunan negara, UniSZA berusaha untuk merealisasikan dengan menyediakan pengajian siswazah yang berkualiti serta menepati keperluan semasa.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) atas usaha murni menerbitkan Buku Panduan Pengajian Siswazah Mod Campuran ini sebagai panduan kepada para siswazah.

**Profesor Dr. Mahadzirah binti Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Sultan Zainal Abidin**

Aluan Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Assalamualaikum warahmatullah dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua calon siswazah kerana telah membuat pilihan tepat dengan mengikuti Program Pengajian Siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).



Pusat Pengajian Siswazah (PPS) berhasrat untuk melahirkan siswazah profesional berkualiti tinggi bagi menyahut cabaran semasa. Calon siswazah akan dilatih untuk menguasai kepakaran dalam bidang masing-masing. Hal ini tidak sukar untuk dicapai kerana UniSZA mempunyai barisan pensyarah yang berkelayakan tinggi dan berdedikasi serta memiliki kemudahan serba lengkap bagi tujuan melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi dalam pelbagai bidang.

Sebelum ini UniSZA hanya memfokuskan program pengajian dalam mod penyelidikan. Mulai 2015, beberapa program peringkat sarjana telah ditawarkan secara mod kerja kursus dan mod campuran. Penawaran program baharu ini akan merancakkan lagi iklim pembelajaran di UniSZA. Sesuai dengan peningkatan jumlah calon siswazah, PPS sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan mengamalkan konsep mesra pelanggan.

Akhir sekali, PPS mengalu-alukan kedatangan semua calon untuk meneruskan pengajian pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di UniSZA.

Profesor Dr. Mustafa bin Mamat
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Sultan Zainal Abidin

1. PENDAHULUAN

1.1 VISI, MISI, MOTO & NILAI TERAS UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

VISI

Universiti Pilihan Tersohor di Persada Dunia

MISI

Menzahirkan Insan Berperadaban dan Berkemahiran Teknologi
Pengurusan Melalui Kecemerlangan Akademik dan Keterlibatan
Komuniti

MOTO

Ilmu Demi Faedah Insan

NILAI TERAS

Beretika dan Berakhlak
Kompeten dan Berkemahiran
Profesionalisme
Permuafakatan Telus/Kerja Berpasukan
Kreatif dan Inovatif
Fokus Pelanggan
Kebertanggungjawaban
Kecaknaan dan Kekitaan
Kebolehpercayaan

1.2 PENGENALAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

Pusat Pengajian Siswazah UniSZA telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007 untuk memastikan pengurusan pengajian siswazah dapat dilakukan dengan lancar dan teratur. Seajar dengan itu, Pusat Pengajian Siswazah telah dipertanggungjawabkan bagi menyelaras program pengajian siswazah yang dikendalikan pada peringkat fakulti/institut seterusnya memastikan perkembangan dan peningkatan program pengajian siswazah di UniSZA. Fungsi tersebut adalah selaras dengan matlamat Universiti untuk melahirkan sarjana dalam pelbagai bidang keilmuan.

1.3 TUJUAN BUKU PANDUAN PENGAJIAN SISWAZAH

Buku Panduan ini digunapakai sebagai rujukan bagi semua pelajar yang mendaftar dalam program pengajian siswazah UniSZA, bagi Mod Campuran. Ia juga menjadi garis panduan bagi fakulti/institut merancang dan melaksanakan program pengajian siswazah masing-masing.

1.4 NISBAH MOD CAMPURAN

- 1.4.1 Nisbah kerja kursus kepada penyelidikan ialah antara 50:50 atau 40:60 atau 30:70.
- 1.4.2 Penilaian formatif dan sumatif merangkumi penilaian bertulis, pembentangan dan disertasi bagi ijazah Sarjana secara Mod Campuran
- 1.4.3 Penilaian formatif dan sumatif merangkumi penilaian bertulis, pembentangan dan tesis bagi ijazah Kedoktoran secara Mod Campuran.
- 1.4.4 Kredit minimum bagi ijazah Sarjana secara Mod Campuran ialah 40 kredit manakala bagi ijazah Kedoktoran ialah 80 kredit.
- 1.4.5 Disertasi wajib diperiksa sekurang-kurangnya oleh dua (2) pemeriksa manakala tesis wajib diperiksa sekurang-kurangnya oleh dua (2) pemeriksa, satu (1) daripadanya ialah pemeriksa luar.

2. SYARAT KEMASUKAN

Syarat kemasukan bagi program Sarjana dan Kedoktoran secara Mod Campuran adalah seperti berikut:

- 2.1 Ijazah Sarjana
 - 2.1.1 Calon mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK minimum 2.75 atau setara dengannya; atau
 - 2.1.2 Calon mempunyai PNGK kurang daripada 2.75 dengan 5 tahun pengalaman kerja; atau
 - 2.1.3 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat.

- 2.2 Ijazah Kedoktoran
 - 2.2.1 Calon mempunyai Ijazah Sarjana daripada universiti yang diiktiraf; atau
 - 2.2.2 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat.
- 2.3 Keperluan Bahasa (Calon Antarabangsa)
 - 2.3.1 Calon mesti lulus TOEFL dengan skor minimum 550 atau IELTS dengan skor minimum 6 bagi program tertentu.
 - 2.3.2 Fakulti/institut boleh memberi pengecualian kepada subperaturan 2.3.1 bagi calon yang berasal dari negara yang bahasa rasminya Bahasa Inggeris atau memiliki kelayakan akademik dari institusi pengajian yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
 - 2.3.3 Calon yang tidak memenuhi subperaturan 2.3.1 dikehendaki mengikuti kursus intensif Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti.
 - 2.3.4 Syarat-syarat lain yang diiktiraf oleh Senat.
- 2.4 Calon dikecualikan daripada syarat dalam subperaturan 2.3.1 bagi program yang dikendalikan sepenuhnya dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Arab.

3. PENDAFTARAN SEMESTER

3.1 Pendaftaran Semester Pertama

- 3.1.1 Surat tawaran akan dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS) kepada semua calon yang berjaya. Surat tawaran adalah sah untuk tempoh enam (6) bulan sahaja daripada tarikh surat dikeluarkan.
- 3.1.2 Calon perlu mendaftar sepertimana yang dinyatakan dalam surat tawaran.
- 3.1.3 Calon dikehendaki mendaftar kursus secara atas talian dalam tempoh seminggu pendaftaran.
- 3.1.4 Calon dikehendaki mematuhi semua syarat yang dinyatakan di dalam surat tawaran.
- 3.1.5 Calon yang tidak boleh mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan perlu mengisi borang penangguhan pendaftaran.
- 3.1.6 Calon yang gagal mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebarang makluman bertulis, penawaran akan terbatal dengan sendirinya.

3.2 Pendaftaran Semester Berikutnya

- 3.2.1 Calon perlu mendaftar secara atas talian dalam tempoh seminggu pendaftaran pada setiap semester.
- 3.2.2 Calon dikehendaki menjelaskan semua yuran sebelum pendaftaran. Calon yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan untuk mendaftar.

3.3 Pendaftaran Serentak

- 3.3.1 Calon yang berdaftar tidak dibenarkan mendaftar di mana mana institusi pengajian tinggi lain.
- 3.3.2 Calon dibenarkan untuk mendaftar serentak bagi program kerjasama antara UniSZA dengan institusi pengajian tinggi lain.
- 3.3.3 Calon yang tidak mematuhi subperaturan 3.3.1 akan ditamatkan pencalonannya dan apa-apa bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

4. PENDAFTARAN KURSUS

4.1 Pendaftaran Kursus

Calon hendaklah mendaftar kursus yang ditetapkan oleh program seperti berikut:

- 4.1.1 Pendaftaran wajib, iaitu pendaftaran kursus yang diperlukan untuk mendapatkan ijazah. Kursus yang didaftarkan secara wajib akan dimasukkan dalam pengiraan untuk menentukan purata nilai gred (jika berkenaan) bagi pengajian calon. Pendaftaran wajib boleh terdiri daripada kursus teras dan kursus elektif.
- 4.1.2 Calon hendaklah mendaftar dalam tempoh tidak melebihi dari satu (1) minggu dari tarikh semester bermula.
- 4.1.3 Calon dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:
 - i. Bagi calon sepenuh masa, minimum lapan (8) kredit hingga maksimum dua puluh (20) kredit pada setiap semester;
 - ii Bagi calon separuh masa, minimum tiga (3) kredit hingga maksimum dua belas (12) kredit pada setiap semester.
- 4.1.4 Bagi kes tertentu atau bagi calon yang berada dalam semester akhir, Dekan PPS dengan perakuan fakulti/institut boleh membenarkan pengecualian kepada had minimum dan maksimum pendaftaran kredit.

4.2 Tambah Kursus, Gugur Kursus Atau Tarik Diri

- 4.2.1 Calon boleh menambah atau menggugurkan kursus dalam tempoh dua (2) minggu pertama bagi setiap semester.
- 4.2.2 Calon dibenarkan untuk menggugur kursus selepas minggu yang kedua (2) sehingga selewat-lewatnya pada minggu yang ke tujuh (7) setelah mendapat kelulusan Dekan PPS dengan perakuan fakulti/institut. Calon dianggap sebagai menarik diri dan akan diberikan gred TD serta tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred.
- 4.2.3 Calon yang disebut dalam subperaturan 4.2.2 perlu menjelaskan semua bayaran yuran.
- 4.2.4 Proses tambah dan gugur kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap semester.
- 4.2.5 Calon yang mendaftar suatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon untuk menggugurkan kursus akan diberi gred F bagi kursus itu.
- 4.2.6 Calon yang menarik diri selepas dua minggu mendaftar tidak akan dipulangkan sebarang bayaran yang telah dibuat.

4.3 Pemindahan Kredit

- 4.3.1 Calon yang berpindah daripada universiti lain yang diiktiraf oleh Senat boleh memohon untuk memindahkan sebahagian daripada kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.
- 4.3.2 Calon yang terlibat dalam program mobiliti outbound boleh memohon untuk memindahkan kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.
- 4.3.3 Kesetaraan sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80% kesamaan.
- 4.3.4 Jam kredit kursus di universiti sebelum hendaklah sama atau lebih daripada jam kredit kursus setara yang dipohon.
- 4.3.5 Kursus setara yang telah diambil itu hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.
- 4.3.6 Jumlah kredit maksimum yang boleh dipindahkan ialah sebanyak dua belas (12) kredit dengan sekurang-kurangnya gred B atau setara.
- 4.3.7 Permohonan untuk pemindahan kredit hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan PPS dengan sokongan fakulti/institut pada semester pertama pengajian.
- 4.3.8 Gred untuk kredit yang dipindahkan akan diambil kira dalam pengiraan untuk menentukan purata nilai gred.

5. TEMPOH PENGAJIAN

5.1 Tempoh pengajian bagi program Mod Campuran adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Tempoh Pengajian

| Peringkat Pengajian | Sepenuh Masa | | Separuh Masa | |
|---------------------|--------------|------------|--------------|-------------|
| | Minimum | Maksimum | Minimum | Maksimum |
| Sarjana | 2 semester | 6 semester | 4 semester | 10 Semester |
| Doktor Falsafah | 4 semester | 8 semester | 6 semester | 12 semester |

5.2 Calon boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian sebulan sebelum tamat tempoh maksimum secara bertulis kepada Dekan Fakulti/pengarah Institut.

6. KEPERLUAN PROGRAM ATAU KURSUS

- 6.1 Calon yang mengikuti kursus yang didaftarkan hendaklah memenuhi keperluan kursus seperti yang ditetapkan oleh program bagi membolehkannya layak menduduki peperiksaan akhir.
- 6.2 Calon yang disebut dalam subperaturan 6.1 yang tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir kerana tidak memenuhi keperluan kursus berkenaan akan diberikan gred F.
- 6.3 Keputusan peperiksaan calon yang memenuhi keperluan kursus dan mengambil peperiksaan sesuatu kursus yang tidak didaftarkan tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred.

7. PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 7.1 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dibuat selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas semester bermula kecuali atas sebab-sebab yang munasabah.
- 7.2 Semasa dalam penangguhan pengajian, calon hilang taraf sebagai calon siswazah sehinggalah dia mendaftar semula pengajiannya.
- 7.3 Kelulusan permohonan penangguhan pengajian adalah bagi satu (1) semester sahaja. Walau bagaimanapun, calon boleh memohon penangguhan sehingga maksimum dua (2) semester dan tertakluk kepada sokongan Dekan Fakulti/Pengarah Institut berkaitan dan mendapat kelulusan Dekan PPS.

8. PENARIKAN DIRI

8.1 Calon boleh menarik diri dari pengajian pada bila-bila masa.

8.2 Calon yang menarik diri selepas empat (4) minggu dari semester bermula tidak akan dikembalikan sebarang bayaran yang telah dibuat.

9. PEMBERHENTIAN CALON

Seorang calon boleh ditamatkan pengajian oleh Senat pada bila-bila masa apabila didapati:

- i. Melanggar mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; atau
- ii. Memberi maklumat palsu mengenai kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya bagi tujuan untuk mendapatkan ijazah; atau
- iii. Mendapat PNGK kurang daripada 3.00 untuk dua (2) semester biasa berturut-turut; atau
- iv. Gagal selepas dua (2) percubaan dengan gred F mana-mana satu kursus wajib; atau
- v. Memperolehi PNGK kurang daripada 2.50 pada semester berkenaan; atau
- vi. Tidak memperbaharui pendaftaran.

10. PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

Calon yang mengikuti program Ijazah Sarjana/Kedoktoran akan dinilai seperti berikut:

10.1 Penilaian Kerja Kursus.

10.1.1 Penilaian Kerja Kursus hendaklah mengandungi penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.

10.1.2 Markah, gred dan nilai gred bagi kerja kursus akan diberikan penilaian seperti Jadual 2.

Jadual 2: Markah, Gred dan Nilai Gred

| MARKAH | GRED | NILAI GRED |
|---------------|------|------------|
| 80-100 | A | 4.00 |
| 75-79 | A- | 3.67 |
| 70-74 | B+ | 3.33 |
| 65-69 | B | 3.00 |
| 60-64 | B- | 2.67 |
| 55-59 | C+ | 2.33 |
| 50-54 | C | 2.00 |
| 47-49 | C- | 1.67 |
| 44-46 | D+ | 1.33 |
| 40-43 | D | 1.00 |
| 39 - ke bawah | F | 0.00 |

10.1.3 Gred tanpa nilai adalah seperti berikut:

- i. TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang tidak dapat melengkapkan keperluan kursus atas alasan yang munasabah;
- ii. TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang menarik diri bagi sesuatu kursus di antara minggu keempat (4) hingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester dengan kebenaran pensyarah dan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti; serta perakuan Dekan PPS; dan
- iii. TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah subperaturan 11. Peperiksaan gantian hendaklah diadakan dengan kadar segera.

10.1.4 Taraf pencapaian akademik dan syarat untuk meneruskan pengajian adalah seperti berikut:

- i. Taraf pencapaian akademik calon akan ditentukan mengikut PNGK pada setiap satu tempoh pengajian dan ditentukan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Taraf Pencapaian Akademik Calon

| Purata Nilai Gred | Taraf Pencapaian | Kelayakan Meneruskan Pengajian |
|-------------------------------|-------------------------|--------------------------------|
| $\text{PNGK} \geq 3.00$ | Lulus | Layak |
| $2.0 \leq \text{PNGK} < 3.00$ | Lulus Bersyarat | Percubaan |
| $\text{PNGK} < 2.50$ | Gagal dan diberhentikan | Tidak Layak |

- ii. Calon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 dan sekurang-kurangnya gred B bagi semua kursus yang ditetapkan.
- iii. Calon yang tidak dapat mencapai PNGK seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 9.1.4 (ii) akan diberikan status “Lulus Bersyarat”.
- iv. Calon yang tidak dapat meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada semester yang diberi status “Lulus Bersyarat” akan diberhentikan daripada mengikuti program pengajian.
- v. Cara pengiraan PNGS/PNGK adalah seperti berikut:

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah nilai gred untuk satu semester}}{\text{Jumlah jam kredit yang diambil untuk semester berkenaan}}$$

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah nilai gred untuk semua semester}}{\text{Jumlah jam kredit untuk semua semester}}$$

10.2 Penilaian Disertasi/Tesis

10.2.1 Disertasi/tesis calon akan dinilai setelah memenuhi komponen seperti berikut:

- i. Cadangan disertasi/tesis;
- ii. Laporan kemajuan; dan
- iii. Disertasi/tesis yang disahkan oleh penyelia.

- 10.3 Penyerahan Dokumen Berkaitan Disertasi/Tesis
 - 10.3.1 Tarikh penyerahan dokumen dalam subperaturan 10.2.1 ditentukan oleh penyelaras program di fakulti/institut.
 - 10.3.2 Kegagalan menyerahkan dokumen dalam subperaturan 10.2.1 akan menyebabkan calon kehilangan markah yang diperuntukkan.

- 10.4 Penyelia dan Tajuk Disertasi/Tesis
 - 10.4.1 Calon boleh mencadangkan seorang penyelia untuk disertasi/tesis sewaktu mendaftar pada awal semester berkenaan.
 - 10.4.2 Lantikan Penyelia dibuat oleh Dekan Fakulti/Pengarah Institut dan mestilah daripada kalangan staf akademik UniSZA.
 - 10.4.3 Pertukaran Penyelia boleh dibuat dengan persetujuan jawatankuasa program dan perakuan Dekan Fakulti/Pengarah Institut.
 - 10.4.4 Tajuk disertasi/tesis mestilah relevan dengan program pengajian dan diluluskan oleh penyelia dan jawatankuasa program berkaitan.

- 10.5 Pertukaran Tajuk Disertasi/Tesis
 - 10.5.1 Permohonan pertukaran tajuk disertasi/tesis mestilah dibuat secara bertulis kepada penyelaras program.
 - 10.5.2 Pindaan besar kepada tajuk kajian tidak dibenarkan sekiranya calon telah menghabiskan separuh daripada masa yang ditetapkan untuk menyiapkan disertasi/tesis melainkan di atas sebab-sebab yang munasabah.

- 10.6 *Viva Voce*
 - 10.6.1 *Viva voce* dijalankan setelah pemeriksa dalam atau pemeriksa luar menilai disertasi/tesis.
 - 10.6.2 Calon perlu mendapat sekurang-kurangnya gred B bagi disertasi/tesis.
 - 10.6.3 Calon perlu membuat pindaan ke atas disertasi/tesis (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh pemeriksa.
 - 10.6.4 Tempoh maksimum untuk pindaan ialah tiga (3) bulan daripada tarikh *viva voce*.
 - 10.6.5 Penyelia perlu menyemak pindaan yang telah dibuat oleh calon sebelum dihantar kepada pemeriksa untuk tujuan pengesahan pembetulan.

- 10.7 Penyerahan Disertasi/Tesis Berjilid
- 10.7.1 Calon perlu menyerahkan disertasi/tesis berjilid mengikut format yang ditetapkan sepertimana dalam Garis Panduan Penulisan Tesis.
 - 10.7.2 Calon dikehendaki menghantar tiga (3) naskah berkulit lembut dan satu (1) salinan CD ROM kepada PPS.

11. PENANGGUHAN PEPERIKSAAN

- 11.1 Calon yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan PPS dengan perakuan fakulti/institut untuk menangguhkan peperiksaan berkenaan.
- 11.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi suatu kursus berkenaan hendaklah dibuat tidak lebih dari empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus itu diadakan.
- 11.3 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan semester atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan sijil sakit atau pengesahan rawatan oleh doktor/pegawai perubatan kerajaan dan berdaftar di Malaysia.
- 11.4 Sesuatu permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara fakulti/institut dengan persetujuan PPS.
- 11.5 Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan merit kes tersebut.

12. MENGULANG KURSUS ATAU PENGAJIAN ATAU MENDUDUKI PEPERIKSAAN KHAS

- 12.1 Calon yang gagal dalam suatu kursus dikehendaki mengulang kursus tersebut.
- 12.2 Calon yang berada dalam semester terakhir pengajian yang perlu melengkapkan kredit dibenarkan menduduki peperiksaan khas bagi tujuan memperoleh ijazah.
- 12.3 Peperiksaan khas hanya dibenarkan untuk satu kursus yang pernah diikuti sahaja. Permohonan hendaklah dibuat kepada Dekan PPS dengan perakuan fakulti/institut dalam tempoh dua (2) minggu selepas pendaftaran semester terakhirnya.
- 12.4 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan khas bagi:
 - i. Kursus yang mendapat gred B dan ke bawah pada semester terakhir pengajian dan berstatus Lulus Bersyarat (LB); atau
 - ii. Kursus yang dikuti oleh calon tetapi gagal menduduki peperiksaan akhir semester atas alasan kesihatan atau alasan lain yang diterima oleh fakulti/institut.

13. PERTUKARAN BENTUK PENDAFTARAN

- 13.1 Calon boleh memohon pertukaran bentuk pendaftaran tertakluk kepada sokongan Dekan Fakulti/Pengarah Institut berkaitan dan mendapat pengesahan Dekan PPS.
- 13.2 Pertukaran bentuk pendaftaran hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

14. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

- 14.1 Calon yang ingin menukar program pengajian boleh memohon kepada Dekan PPS dengan syarat berikut:
 - i. Memenuhi syarat PNGK minimum program pengajian;
 - ii. Mendapat persetujuan Dekan Fakulti/Pengarah Institut program yang dipohon dan kelulusan Dekan PPS; dan
 - iii. Pertukaran hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian di Universiti. Pertukaran melebihi sekali hanya dibenarkan atas sebab-sebab yang munasabah selepas mendapat persetujuan fakulti/institut.

15. PERTUKARAN MOD PENGAJIAN

- 15.1 Calon boleh memohon kepada Dekan PPS untuk menukar mod pengajian daripada Mod Kerja Kursus kepada Mod Campuran, atau Mod Penyelidikan dengan syarat berikut:
- 15.2 Memenuhi syarat PNGK minimum mod pengajian;
- 15.3 Calon dibenarkan membuat hanya sekali sahaja pertukaran mod sepanjang pengajian; dan
- 15.4 Pertukaran melebihi sekali hanya dibenarkan atas alasan yang munasabah selepas mendapat persetujuan fakulti/institut.

16. RAYUAN UNTUK SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 16.1 Calon boleh membuat rayuan terhadap keputusan peperiksaan akhir kursus yang telah diikutinya dan setiap kursus dikenakan bayaran sebanyak RM 50.00.
- 16.2 Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan PPS dengan perakuan fakulti/institut dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan rasmi peperiksaan.
- 16.3 Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 16.2 tidak akan dipertimbangkan.

- 16.4 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan maklumat kursus yang diminta untuk disemak semula beserta dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- 16.5 Dekan PPS yang menerima permohonan rayuan, akan merujuk rayuan itu kepada Dekan Fakulti/Pengarah Institut calon bagi tujuan menubuhkan panel pemeriksa untuk menyemak semula keputusan kursus berkenaan.
- 16.6 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli akademik yang dilantik oleh fakulti/institut selain pemeriksa asal.
- 16.7 Perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan PPS dan tertakluk kepada pengesahan Senat. Keputusan Senat adalah muktamad.

17. RAYUAN UNTUK MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN

- 17.1 Calon yang telah gagal dan diberhentikan dari pengajian boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan semula pengajian sekiranya mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.90.
- 17.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan PPS dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- 17.3 Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut pada subperaturan 16.2 tidak akan dipertimbangkan.
- 17.4 Sebarang rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran RM100 dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- 17.5 Sebarang keputusan tertakluk kepada perakuan Senat.

18. PENGANUGERAHAN IJAZAH

Ijazah boleh dianugerahkan kepada calon yang telah:

- i. Memenuhi semua syarat dan peraturan pengajian;
- ii. Menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang dikenakan; dan
- iii. Diperakukan oleh Senat.

**JAWATANKUASA BUKU PANDUAN PENGAJIAN SISWAZAH
MOD KERJA KURSUS 2016**

Penasihat

Prof. Dr. Mahadzirah binti Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pengerusi

Prof. Dr. Mustafa bin Mamat
(Dekan, Pusat Pengajian Siswazah)

Ahli-Ahli

Prof. Madya Dr. Fatma Susilawati binti Mohamad
(Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah)

Dr. Nurazan binti Mohamad Rouyan
(Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah)

Dr. Radzuwan bin Ab. Rashid
(Penyelaras Program, Pusat Pengajian Siswazah)

Prof. Dr. Nashriyah binti Mat
(Fakulti Biosumber dan Industri Makanan)

Prof. Madya Dr. Rahmah binti Mohd Amin
(Fakulti Perubatan)

Dr. Kamariah binti Yunus
(Fakulti Bahasa dan Komunikasi)

Prof. Madya Dr. Wan Norhayate binti Wan Daud
(Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan)

Prof. Madya Dr. Javeed Shaikh Mohammed
(Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kreatif)

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi bin Salleh
(Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Abdul Hakim bin Abdullah
(Fakulti Pengajian Kontemporari Islam)

Dr. Yendo Afgani @ Eusoff
(Fakulti Sains Sosial Gunaan)

Dr. Mohd Nizam bin Zahary
(Fakulti Sains Kesihatan)

Dr. Mohamad Afendee bin Mohamed
(Fakulti Informatik dan Komputeran)

Sekretariat

En. Johari bin Johan
Pn. Zauriah binti Embong
Pn. Hairu Haryana binti Mamat



**GRADUATE STUDIES
GUIDE BOOK
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)**

**Master and Doctor of Philosophy
Mixed Mode**

2016

| CONTENTS | PAGE |
|--|-------------|
| Welcome by The Vice-Chancellor | 26 |
| Welcome by The Deputy Vice-Chancellor (Academic and International) | 27 |
| Welcome by The Dean of Graduate School (GS) | 28 |
| 1. INTRODUCTION | 29 |
| 1.1 Universiti Sultan Zainal Abidin's (UniSZA) Vision, Mission, Motto & Core Values | |
| 1.2 Introduction to The Graduate School (GS) | |
| 1.3 Purpose of The Graduate Studies Guide Book | |
| 1.4 Mixed Mode Ratio | |
| 2. ENTRY REQUIREMENT | 30 |
| 2.1 Master's Program | |
| 2.2 Doctoral Program | |
| 2.3 Language Requirement (International Candidate) | |
| 3. REGISTRATION | 31 |
| 3.1 First Semester Registration | |
| 3.2 Registration for Subsequent Semesters | |
| 3.3 Concurrent Registration | |
| 4. COURSE REGISTRATION | 32 |
| 4.1 Course Registration | |
| 4.2 Add Course, Drop Course Or Withdraw | |
| 4.3 Credit Transfer | |
| 5. DURATION OF STUDY | 33 |
| 6. PROGRAM OR COURSE REQUIREMENT | 34 |
| 7. DEFERMENT OF STUDIES | 34 |
| 8. WITHDRAWAL FROM STUDIES | 34 |
| 9. DISMISSAL OF CANDIDATE | 34 |

| CONTENTS | PAGE |
|--|-------------|
| 10. EXAMINATION AND EVALUATION | 35 |
| 10.1 Coursework Assessment | |
| 10.2 Dissertation/Thesis Evaluation | |
